

Usah anggap China 'lubuk emas' — PM

um 1/05/04 msb

SHANGHAI 31 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan ahli perniagaan Malaysia supaya jangan mengangap China sebagai 'lubuk emas' dan mahu berlumba-lumba 'berada di China' tanpa terlebih dahulu menyiapkan diri dengan pengetahuan pasaran dan membina hubungan strategik.

Katanya, walaupun mereka tidak boleh mengendahkan pembangunan China yang bergerak pantas dan dinamik, ahli-ahli perniagaan itu perlu menyiapkan diri dengan satu gambaran mendalam mengenai negara ini.

"Anda harus berusaha serius melengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai pasaran, membina rangkaian dan persahabatan, jangan harap untuk menutup runding niaga dalam satu mesyuarat ringkas, tiada jalan singkat sini, tiada 'lubuk emas' yang mudah digali di sini, kejayaan hanya muncul untuk sesiapa yang tekun dan komited kepada diri sendiri," katanya.

Beliau memberi contoh ketekunan Kumpulan Kuok - yang membina rangkaian Hotel Shangri-La di negara ini, setelah mengambil masa bertahun-tahun membina asas rangkaian dan hubungan sebelum boleh diterima oleh China.

Abdullah memberi ingatan itu semasa berucap pada Forum Perniagaan Malaysia-China anjuran Petronas di Shangri-La Pudong, di sini hari ini.

Ia diadakan sempena memperingati 30 tahun hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Kira-kira 140 delegasi Malaysia terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli perniagaan hadir di majlis makan tengah hari itu. Turut hadir ialah sejumlah besar ahli perniagaan China.

Menurut Perdana Menteri, ahli-ahli perniagaan Malaysia masih beranggapan China adalah hanya sebuah pasaran yang luas membabitkan satu bilion manusia dan menawarkan tenaga buruh yang bergaji murah.

"Kita mahu ahli perniagaan Malaysia lebih terkini dalam pemahaman mengenai negara ini, termasuk mengetahui latar belakang negara ini," katanya.

China memasuki era peningkatan yang memberangsangkan dalam ekonomi sejak berlaku pembaharuan dalam orientasi pasarnya yang diperkenalkan oleh Deng Xiao Peng pada 1979.

Pembaharuan itu membabitkan penswastan syari-

kat-syarikat perniagaan milik negara dan membina prasarana pasaran ekonomi. Dasar itu juga berlaku dalam bidang perundangan dan perbankan.

Abdullah dalam ucapan itu berkata, adalah penting bagi syarikat-syarikat Malaysia-China memberi tumpuan kepada perkongsian yang bijak dan strategik.

Beliau percaya terdapat peluang yang besar bagi Malaysia dalam kerjasama perniagaan terutamanya dalam bidang pemprosesan makanan, industri-industri agro dan bioteknologi.

"Malaysia mempunyai reputasi 'jenama' yang terkenal dalam pengeluaran makanan halal yang boleh dipasarkan ke pasaran negara Islam seluruh dunia, manakala, China pula mempunyai banyak penyelidik dan pakar teknikal yang boleh menyumbang kepada aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang tersebut dengan rakan Malaysia.

Pembangunan


"Selain itu, satu lagi bidang yang boleh dikongsi bersama Malaysia-China ialah meneroka pembangunan harta intelek, yang merupakan aset penting dalam ekonomi pengetahuan. Saya menggesa anda meneroka perjanjian dalam pembangunan perisian, teknologi elektronik dan komunikasi malah dalam bidang penyiaran dan media," katanya.

Sebagai tambahan kepada peluang-peluang yang boleh dimainkan oleh kedua-dua pihak, katanya, Malaysia harus menyediakan kepada pedagang China laluan keluar ke pasaran Asia Tenggara yang mempunyai penduduk 550 juta dengan nilai pasaran swasta berjumlah AS\$320 bilion.

Tegas beliau, Malaysia menghargai usaha China dalam mengukuh lagi kerjasama ekonomi kedua-dua negara dan dalam konteks ini Malaysia mengumumkan pendiriannya mengiktiraf China sebagai pasaran ekonomi terbuka sepenuhnya.

Sementara itu, Abdullah yang mengambil soalan yang diajukan kepadanya berkata, Malaysia membuka penyertaan ekuiti daripada syarikat asing yang mahu melabur dalam syarikat-syarikat milik kerajaan.

"Kami telah menetapkan ekuiti yang dibenarkan tidak melebihi 30 peratus, dan kertas cadangan boleh dihantar untuk penilaian," katanya menjawab soalan mengenai keputusan kerajaan menstruktur semua syarikat miliknya, Khazanah.



ABDULLAH AHMAD BADAWI melihat pemandangan bandar Shanghai ketika mengadakan lawatan ke Pearl Oriental Tower pada hari terakhir lawatan lima harinya ke China semalam.— Gambar Bernama

Abdullah juga berkata, tujuan pelaburan syarikat Malaysia di China akan mewujudkan persaingan yang sihat dalam suasana menang-menang.

Beliau memberi contoh syarikat usaha sama UMW dari Malaysia dengan Perbadanan Petroleum Kebangsaan China (CNPC) yang melabur membina kilang mengeluarkan paip gas dan minyak di sini, bagi menampung permintaan pelaburan oleh Petronas dan CNPC di Sudan.

Pagi ini, Abdullah mengadakan pertemuan bersama sembilan wakil institusi kewangan pelaburan terkemuka yang berpangkalan di Hong Kong.

Dalam pertemuan itu yang dianggap sebagai sesi 'membiasakan diri dengan mereka' Abdullah bertemu wakil daripada Merrill Lynch, JP Morgan, Japan Bank for International Cooperation, Citigroup Global Markets Asia Ltd, Barclays Capital, Morgan Stanley, Credit Suisse First Boston, Hong Kong and Shanghai Banking Corporation Ltd and Goldman Sachs.— Utusan